



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 12/ 2023 (Disember Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	ب
1 Disember 2023M/ 18 Jamadil Awwal 1445H	Pembangunan Lestari, Nikmatnya Disyukuri	1.
8 Disember 2023M/ 25 Jamadil Awwal 1445H	Tunaikanlah Zakatmu	2.
15 Disember 2023M/ 2 Jamadil Akhir 1445H	Menginsafi Hikmah Musibah	3.
22 Disember 2023M/ 9 Jamadil Akhir 1445H	Siapa Lelaki Sejati	4.
29 Disember 2023M/ 16 Jamadil Akhir 1445H	Sediakan Payung Sebelum Hujan	5.
Khutbah Kedua		

دبیایاء:



زكاة فولوا فینغ

دتریبتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام فولوا فینغ



Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Pembangunan Lestari, Nikmatnya Disyukuri

1 Disember 2023M/ 18 Jamadil Awal 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ، أَحْصَى كُلَّ شَيْءٍ وَعَلِمَهُ، وَأَتَقَنَ مَا صَنَعَ وَأَحْكَمَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ مَنْ عَرَفَ الْحَقَّ وَالتَّزَمَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ صَدَعَ بِالْحَقِّ وَأَسْمَعَهُ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ وَأَنْصَارِهِ
مِمَّنْ وَقَرَهُ وَكَرَّمَهُ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba yang beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Selain itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian agar memberi fokus dan mendengar dengan bersungguh-sungguh khutbah Jumaat ini. Janganlah leka bermain gajet, tidur dengan sengaja atau



berbual-bual kerana perbuatan-perbuatan tersebut bertentangan dengan adab mendengar khutbah. Marilah kita bersama-sama menghayati khutbah Jumaat yang akan membicarakan tajuk **“Pembangunan Lestari, Nikmatnya Disyukuri.”**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah telah menetapkan syariat Islam sebagai asas kejayaan dan jalan kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Bidang sains dan kejuruteraan adalah antara cabang ilmu dalam Islam, yang bertunjangkan Tauhid kepada Allah Yang Maha Esa. Ilmu sains dan teknologi kejuruteraan menjadi pemangkin utama kepada pembangunan kemajuan dunia untuk diterokai bersama-sama, berpaksikan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan Rasul-Nya.

Hasilnya, pelbagai kebenaran dan bukti yang telah ditemui menunjukkan kekuasaan dan keagungan Allah hasil daripada penemuan dan penyelidikan sains dan teknologi kejuruteraan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bidang teknologi kejuruteraan adalah cabang ilmu yang merangkumi penguasaan ilmu bagi tujuan kebaikan dan manfaat manusia sejagat. Secara tidak langsung bidang ini merupakan satu wadah bagi membantu manusia memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi.



Umat Islam seharusnya mencontohi perjuangan para sarjana dan cendekiawan Islam terdahulu, yang telah banyak menghasilkan perkembangan teknologi dunia seperti *Al-Khawarizmi*, *Jabir Ibnu Hayyan*, *Abbas Ibnu Firnas*, *Al-Biruni*, *Al-Jazari* dan lain-lain lagi. Sumbangan besar mereka dalam penguasaan teknologi kejuruteraan, astronomi, fizik, aero angkasa dan sebagainya tidak dapat disangkal lagi.

Lembaran Al-Quran telah merakamkan, betapa pentingnya sejarah hubungan sesebuah tamadun manusia. Dengan keimanan dan ketaatan kepada Allah, peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas umat terdahulu perlu dijadikan ibrah kepada umat manusia zaman kini. Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menjelaskan kealpaan dan kedegilan umat terdahulu membuatkan mereka dibinasakan oleh Allah.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejarah ketamadunan turut membenarkan apa yang dinyatakan dalam Al-Quran walaupun teknologi kejuruteraan dan kepakaran yang dihasilkan umat terdahulu seperti kaum Tsamud, Firaun, Kaum 'Aad, canggih dan hebat sehingga mampu menebuk gunung-gunung yang besar bagi dijadikan istana dan menara. Namun apabila perintah Allah tidak dituruti, nikmatnya tidak disyukuri, syariatnya dilanggari, maka mereka dimusnahkan oleh Allah. Firman Allah dalam surah Ar-Rum, ayat 42:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ كَانَ أَكْثَرُهُم مُّشْرِكِينَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), “Berjalanlah di muka bumi, lalu lihatkan bagaimana kesudahan kaum terdahulu (yang telah dibinasakan). Kebanyakan mereka ialah orang musyrik (mempersekutukan Allah).”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tidak dapat dinafikan, kesan perkembangan teknologi dan ledakan kemajuan kejuruteraan pada hari ini telah mengubah landskap kehidupan manusia mengikut arus perubahan zaman sama ada di daratan, di lautan mahupun di udara. Dengan kebijaksanaan akal yang dikurniakan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kepada manusia, pelbagai peralatan inovasi dan kemudahan telah dihasilkan, seperti pembinaan hospital, sekolah, lapangan terbang, masjid, universiti dan sebagainya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ambillah pengajaran, daripada ketekunan dan ketelitian baginda Nabi Nuh **عَلَيْهِ السَّلَامُ** dalam pembinaan bahteranya. Terbukti dengan jelas, teknologi dan penciptaan bahtera yang dihasilkan oleh baginda, telah mampu mengharungi banjir besar yang membadai ketika itu. Dengan izin Allah sebahagian manusia dan haiwan telah berjaya diselamatkan, hasil kebijaksanaan reka bentuk struktur dan ketepatan teknologi pembinaan bahtera besar itu.

Bagi melakar kemajuan, sebuah negara memerlukan golongan professional di dalam bidang teknikal seperti para jurutera, arkitek, ahli geologi dan sebagainya.

Justeru, dengan bertema “Profesyen Teknikal, Pemacu Pembangunan Negara Madani” penganjuran Hari Profesyen Teknikal Negara yang disambut pada hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun adalah sebagai pengiktirafan atas sumbangan mereka.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Ayuh, marilah kita meningkatkan iltizam untuk bersama-sama menjayakan pembangunan negara sebagai pemangkin ke arah merealisasikan cita-cita kesejahteraan rakyat. Perjuangan kita kini bagi membina sebuah negara yang bermaruah seterusnya mengangkat jati diri warganegara Malaysia yang menikmati kemakmuran, kebebasan dan keadilan bersama beroreantasikan pembinaan negara yang baik serta dirahmati Allah. Imam At-Tabrani رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْه meriwayatkan bahawa Rasulullah

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ...

Maksudnya: “Orang yang paling dikasihi oleh Allah adalah orang yang paling banyak memberikan manfaat untuk manusia lain.”



Mudah-mudahan seluruh warga teknikal istiqamah menumpukan seluruh komitmen kepada rakyat. Semoga segala sumbangan dan jasa yang dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:

Pertama: Kita hendaklah menjadi rakyat yang sentiasa bersedia menyumbang pemikiran, tenaga dan kepakaran dalam merealisasikan aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaulat dan dihormati masyarakat dunia.

Kedua: Umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada segala bentuk kemaksiatan dan pelanggaran terhadap syariat Islam yang boleh mengundang kemurkaan Allah.

Ketiga: Umat Islam hendaklah berupaya menguasai pelbagai kepakaran dan disiplin ilmu ke arah kehidupan yang lebih berkualiti demi kebahagiaan dunia dan akhirat.

Keempat: Umat Islam juga hendaklah melakukan perkara yang memberi manfaat kepada semua orang termasuk diri sendiri demi menggapai keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Firman Allah dalam surah Ali Imran, ayat 191:



الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦١﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikir tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata), “Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka pelihara kami daripada azab api neraka”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Disember

2023M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اْعَلْمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.



Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkanlah sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khususnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

**اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥﴾